

# Raksasa

written by Hazrul | 11/05/2023

## **BABAK 1: PERTEMUAN**

“Helo balai polis, saya terjumpa mayat di sini!”

Pagi itu sekali lagi penemuan mayat menggegarkan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak. Ini bukan kali pertama mereka menerima laporan kematian seumpama, sebaliknya kali kedua dalam tempoh enam bulan. Masih tiada petunjuk, masih tiada tanda. Pihak polis mengesyaki kedua-dua kes mungkin mempunyai pelaku yang sama.

“Ya encik, mohon jangan panik. Boleh beritahu lokasi di mana?” jawab Inspektor Alif. “Taman Tasik Seri Gombak.” jawab lelaki yang membuat panggilan telefon tersebut. “Baik encik. Terima kasih. Kami akan segera ke sana,” balas Inspektor Alif. Inspektor Alif dan pasukannya yang dianggotai subinspektor Razif, Faiz dan Ravi segera ke lokasi yang dimaklumkan dan mereka menemui sekujur mayat bergelimpangan darah di bawah salah satu pokok di situ. Pandangan pertama, perempuan berbangsa Melayu dalam lingkungan usia 20 hingga 25 tahun dengan beberapa luka tikaman di bahagian abdomen. Mangsa tidak memakai aksesori lain kecuali anting-anting namun hanya satu anting-anting berada di telinga mangsa. Tindakan seterusnya diserahkan kepada pasukan forensik. Pelapor kejadian diminta ke balai polis untuk memberi keterangan lanjut. Dia menjumpai mayat tersebut semasa sedang berjoging sekitar jam 7 pagi.

Mayat segera dibawa ke hospital untuk bedah siasat. Hasil siasatan polis, mangsa, Natasha Azman berusia 24 tahun merupakan seorang pekerja di sebuah syarikat swasta di Selangor. Mangsa belum berkahwin dan tinggal berseorangan di sebuah pangsapuri di Selayang. Terdapat tiga luka tikaman di bahagian abdomen. Selain luka tikaman berdiameter kira-kira tiga cm setiap satu di bahagian kiri dan kanan

abdomen, turut kelihatan kesan cekikan di leher mangsa. Seperti dua pembunuhan terdahulu, semua kuku mangsa dicabut daripada jari. Senjata pembunuhan tidak ditemui di sekitar lokasi.

“Aku syak ini mesti angkara pembunuh yang sama sebab modus operandi macam sama saja,” getus subinspektor Razif. “Aku pun rasa macam tu juga, kau rasa macam mana Faiz?” kata Ravi yang bersetuju dengan Razif. “Naluri aku kuat mengatakan ini kes pembunuhan bersiri, tapi apa-apa pun kita kena siasat dengan lebih mendalam lagi sebelum buat kesimpulan,” jawab Faiz. Pembunuhan pertama juga menggunakan modus operandi yang hampir sama. Mangsa pertama lemas disebabkan \*pengasfiksiaan dan kemudiannya ditikam bertubi-tubi di

bahagian dada. Mangsa juga kehilangan kuku ketika ditemui. Mereka hampir mengenal pasti pelaku semasa melakukan siasatan bagi pembunuhan pertama setelah menjumpai plastik yang digunakan untuk melemaskan mangsa namun tiada cap jari di plastik tersebut. Kelihatannya pelaku tersebut amat licik dan berhati-hati dalam setiap tindakannya.

Sedang mereka berempat memerah otak memikirkan mengenai kejadian ini, datang seorang lelaki berpakaian kemas dan segar menuju masuk ke balai polis. Wajahnya seperti pernah dilihat namun tidak mudah bagi Alif untuk mengingati siapa. Setelah Alif amati wajah itu barulah dia teringat. Tuan Shah kemudiannya memperkenalkan beliau sebagai Inspektor Adi, inspektor yang baru sahaja ditukarkan ke stesen mereka. Adi sebenarnya merupakan rakan baik Alif semasa kecil, sebelum berpindah ke luar negara pada usia 13 tahun. Kini mereka berdua sudah berusia 26 tahun. Adi terus sahaja mengecam Alif sejeurus masuk, namun Alif yang dikenali dengan perwatakannya yang pendiam dan serius tidak pula mengingati Adi. "Hei Alif, tak sangka boleh jumpa kau kat sini! Ingat tak aku, Adi?" sapa Adi dengan mesra.

\*pengasfiksiaan - lemas yang menyebabkan kurang pengaliran oksigen ke otak

Alif mengabaikan sahaja dan terus berlalu pergi. Tuan Shah memerhatikan sahaja gelagat mereka berdua. Tuan Shah meminta Adi memperkenalkan dirinya kepada anggota yang lain. "Selamat sejahtera semua, saya Inspektor Adi dari Scotland. Saya baru sahaja ditukarkan ke sini. Dahulu saya tinggal di kawasan sekitar sini juga jadi sedikit-sebanyak saya masih ingat selok-belok kawasan ini. Mohon tunjuk ajar semua," kata Inspektor Adi.

"Saya dengar kamu berdua dah kenal lama. Maka senanglah nak bekerjasama dalam kes ni. Saya mahu kamu berdua bersama-sama selesaikan kes pembunuhan bersiri ni," arah Tuan Shah. Alif tiada pilihan selain mematuhi arahan tersebut. Adi kelihatan gembira dengan arahan yang baru diterimanya tadi. Dia sebenarnya gembira kerana menjumpai rakan semasa kecilnya itu, namun lain pula dengan Alif. Alif acuh tak acuh saja dengan kedatangan Adi, namun Adi tetap tidak berputus asa untuk mendekati Alif. Adi hairan bagaimana Alif yang dahulunya periang dan peramah bertukar menjadi dingin seperti sekarang. Apa sebenarnya yang berlaku dalam tempoh 13 tahun mereka terpisah itu?

"Inspektor Alif tu kenapa? Serius semacam saja. Dulu tak macam tu," rungut Adi kepada Ravi, Razif dan Faiz. "Tak tahulah pula dulu dia macam mana tuan, sebab kami pun baru saja kenal," jawab Ravi. "Dia memang macam tu tuan, serius saja memanjang, nak ajak bergurau pun tak boleh," sahut Faiz. "Kami tak tahu masa lalu dia tuan. Yang kami tahu, dia memang tegas saja. Hal peribadi pun tak pernah kongsi. Selalu berseorangan saja, makan pun seorang diri," kata Razif pula. "Mesti ada benda yang jadi ni. Kesian Alif," Adi berkata sendiri.

"Alif, kau ingat aku kan? Kita kan kawan baik dulu. Mana ada kau situ ada aku. Takkan kau tak ingat? Lama kita tak berhubung. Dulu kau marah aku pindah dan

tinggalkan kau. Kau masih marahkan aku kah?" tanya Adi. Alif hanya membatu sahaja.

"Eh lupa pula, adik kau apa khabar? Haikal kan? Masih belajar? Dulu kita selalu main bertiga. Ingat tak?" tanya Adi bertubi-tubi. "Aku tak pernah lupa kau Adi. Kau saja yang tak ingat aku. Kau sama saja kan? Masih macam dulu. Mulut murai. Cuma wajah saja yang berubah sedikit. Yang lain semua sama. Haikal okay saja. Masih belajar di kolej," jawab Alif. Adi tersenyum. Walaupun Alif jawab seperti hendak tak hendak saja, itu sudah cukup menggembirakan Adi dan membuat dia terkenang kembali zaman kanak-kanaknya.

## **BABAK 2: KISAH LAMPAU**

Alif mempunyai masa lalu yang perit. Alif mempunyai seorang adik lelaki bernama Haikal. Haikal berusia 21 tahun. Alif dan Adi membesar bersama. Mereka juga pergi ke sekolah yang sama sehinggalah Adi berpindah ke Scotland atas tuntutan kerja bapanya. Semenjak itu, Alif berasa agak sedih dan kesunyian kerana kehilangan teman baiknya, ditambah pula dengan konflik keluarga yang dialaminya ketika berusia 16 tahun. Pada ketika itu, Haikal hanya berusia 11 tahun. Ibu bapa Alif sering bergaduh di hadapan mereka. Bapa Alif culas dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang bapa dan membuatkan ibu Alif mengalami tekanan perasaan. Namun pada usia 16 tahun, apa lah yang Alif tahu. Dia selalu membela bapanya kerana sebelum ini bapanya merupakan seorang yang sangat penyayang. Dia tidak pasti apa yang menyebabkan bapanya berubah 360 darjah. Alif dan Haikal mulai terbiar. Bapa mengabaikan mereka, ibu pula dihimpit dengan masalah depresi. Mereka belajar berdikari, pulang dari sekolah sendiri, menjaga makan pakai sendiri dan menjaga segala keperluan sendiri.

Hampir setiap hari mereka melihat ibu dan ayah bertengkar, dan ayah acap kali menaikkan tangan ke muka ibu. Ayah semakin jarang pulang ke rumah. Satu hari dalam perjalanan pulang dari sekolah, mereka terlihat kelibat ayah bersama wanita lain menaiki satu kereta mewah. Tidak hairanlah selama ini ibu sering menuduh ayah dengan bermacam-macam tuduhan. Ayah juga semakin tidak mempedulikan mereka. Ayah yang dahulunya penyayang kini hanya mengabaikan mereka dalam sekelip mata. Lama-kelamaan, ayah langsung tidak pulang ke rumah dan hilang begitu sahaja. Keadaan ibu pula semakin hari semakin melarat, termenung sahaja tanpa melakukan apa-apa sehinggalah ibu pula meninggalkan mereka buat selamanya. Mereka menjadi yatim di usia yang muda.

Sejak itu, Alif mengambil alih tugas sebagai ibu dan bapa kepada Haikal. Pada siang hari Alif bersekolah, pada petang dan malam hari dia bekerja. Alif juga bekerja keras di universiti. Dia merupakan pelajar cemerlang. Segala duit biasiswa disalurkan untuk perbelanjaan rumah dan adiknya. Haikal juga matang. Dia merupakan budak yang baik dan bijak. Seakan memahami segala yang berlaku, Haikal meneruskan hari-harinya berdua sahaja dengan abangnya tanpa menyoal apa-apa. Dunia abangnya hanya berputar di sekitar Haikal. Banyak tahun mereka

habiskan berdua. Bagi mereka, ayah mereka telah lama meninggal dunia dan mereka juga tidak mahu mengigati rupa lelaki itu. Sejak itu juga Alif bertukar menjadi pendiam dan dingin. Baginya manusia tidak boleh dipercayai kerana manusia terlalu mudah berubah. Adi langsung tidak tahu-menahu akan semua perkara yang menimpa Alif kerana mereka terputus hubungan setelah Adi berpindah.

### **BABAK 3: GIGI SIAPA?**

Pada hari berikutnya, mereka masih membincangkan mengenai kes tersebut. Tiada hubung kait antara mangsa pertama dan mangsa kedua. Mereka saling tidak mengenali antara satu dengan yang lain. Pihak polis cuba mencari titik persamaan antara kedua-dua mangsa. Kedua-duanya perempuan berbangsa Melayu dalam lingkungan 24 ke 25 tahun, belum berkahwin, bekerja, tinggal berseorangan di apartmen yang berbeza dan mempunyai keluarga yang ditinggalkan di kampung halaman. Kedua-dua mangsa tidak diserang secara seksual sebelum dibunuh. Selain daripada itu, masih tiada kaitan antara kedua-duanya. Mangsa pertama, Rose Adibah Zakaria, 25 tahun, bekerja sebagai penyelia di sebuah kilang makanan di Batu Caves dan menetap di salah sebuah apartmen di sana. Mayat mangsa juga ditemui di taman rekreasi. Inspektor Alif sebenarnya mengambil alih kes ini daripada pegawai terdahulu kerana pegawai terdahulu ditukarkan ke tempat lain. Oleh itu, dia juga baru saja mula meneliti kedua-dua kes pembunuhan.

“Tuan nak tengok bahan bukti untuk kes pertama? Ada seutas jam tangan dan beg plastik yang ditemui di sekitar mangsa,” tanya Subinspektor Razif. “Tidak mengapalah, nanti saja. Saya nak siasat mengenai mangsa kedua ni sekarang. Nanti ingatkan saya semula,” kata Inspektor Alif. Sementara menunggu laporan bedah siasat mangsa kedua, pihak polis menggeledah rumah mangsa bagi mencari apa-apa bahan yang boleh dijadikan petunjuk kes namun mereka tidak menjumpai apa-apa yang mencurigakan. Mengikut rakan sekerja mangsa, mangsa merupakan seorang yang peramah dan disenangi ramai termasuklah klien dan rakan sekerja. Setelah melakukan pemeriksaan ke atas akaun simpanan milik mangsa, polis mengesan beberapa transaksi wang antara mangsa dan seorang lelaki. Pihak polis mendapati lelaki tersebut memindahkan sejumlah wang yang agak besar kepada

mangsa secara berkala. Rakan baik mangsa, Alia menafikan mangsa memiliki teman lelaki namun hasil daripada siasatan polis atas telefon milik mangsa, mangsa sering menerima panggilan daripada satu nombor yang sama berulang kali. Polis mengesan pemilik nombor tersebut dan mendapati nombor itu didaftarkan di atas nama Kamal Hazrin bin Razdan, 35 tahun, pegawai atasan mangsa berpangkat eksekutif di tempat kerja mangsa. Setelah dikenal pasti, lelaki yang sama juga yang kerap memindahkan wang kepada mangsa. Inspektor Alif dan Inspektor Adi memanggil Encik Kamal ke balai untuk membantu siasatan.

Encik Kamal mempunyai hubungan sulit dengan mangsa walaupun sudah berumah tangga dan memiliki sepasang anak. Mangsa sering berbelanja mewah dan meminta wang daripada beliau. Menurut soal siasat yang dijalankan, Encik Kamal tidak berada bersama-sama mangsa pada

malam sebelum kejadian. Walaupun Encik Kamal berkemungkinan besar merupakan suspek dalam kes ini, namun alibi Encik Kamal dapat disahkan. Beliau memang berada di rumah pada malam sebelum kejadian. Alibi beliau disahkan oleh isteri dan anak-anaknya, selain jiran sebelah rumah yang turut nampak akan kelibatnya.

Selepas sepuluh hari, laporan bedah siasat diserahkan kepada Inspektor Alif dan Inspektor Adi. Mangsa ditemui oleh pelapor kejadian sekitar 7 pagi. Waktu kematian dianggarkan pada sekitar 3-5 pagi iaitu kira-kira empat jam sebelum mangsa ditemui. Terdapat kesan cekik di leher mangsa namun tiada cap jari ditemui.

Sebab kematian ialah kehilangan darah. Pelaku sengaja mencekik mangsa hanya untuk menyeksa mangsa, berkemungkinan dia suka melihat mangsa terseksa dan merayu untuk dilepaskan. Setelah mencekik mangsa, pelaku kemudiannya menikam mangsa bertubi-tubi di bahagian abdomen. Selepas mangsa meninggal dunia, kuku-

kuku mangsa pula dicabut daripada jari. Mungkin sebagai bentuk cenderamata kepada pembunuh itu. Sungguh mengerikan. "Aku rasa pembunuh ni psikopat. Tiada belas kasihan langsung," syak Inspektor Adi. Tiada rakaman kamera litar tertutup di sekitar kawasan taman. Nampaknya pembunuh ini benar-benar bijak dalam menutupi jejaknya. Namun di sebalik kebijaksanaan pembunuh, kali ini dia melakukan satu kesalahan yang mungkin menjerat dirinya. Menurut analisis forensik, darah mangsa turut bercampur dengan darah asing. Ini berkemungkinan bermakna pembunuh bergelut seketika dengan mangsa sebelum menamatkan riwayat mangsa. Pihak polis cuba memadankan DNA darah pelaku dengan DNA penjenayah dalam pangkalan data polis namun hampa, tiada padanan ditemui. Polis kembali menemui jalan buntu. Tekanan demi tekanan diterima daripada pihak atasan namun mereka masih tidak mempunyai apa-apa klu.

Selang dua minggu kemudian, satu tengkorak pula ditemui di dalam beg yang dibuang di sungai Damansara. Belum sempat mereka mencari siapa pembunuh mangsa pertama dan kedua, tengkorak pula yang ditemui. Menurut laporan forensik, pembunuhan dilakukan kira-kira empat bulan lalu dan tengkorak tersebut milik seorang wanita berusia dalam lingkungan 26 hingga 30 tahun. Siasatan kali ini lebih mencabar, kerana identiti mayat dahulu perlu dikenal pasti, barulah siasatan boleh diteruskan. Tengkorak diteliti oleh pasukan forensik. Semua bahagian badan telah reput termasuklah gigi mangsa, kecuali sebatang gigi. Gigi tersebut tidak reput kerana gigi itu merupakan gigi implan. Mangsa juga memakai sebatang cincin di jari manisnya. Cincin tersebut kelihatan agak unik.

Pasukan forensik cuba menggunakan kaedah pembentukan semula wajah daripada tengkorak dengan menggunakan teknologi dan kepakaran yang mereka miliki. Usaha tersebut mengambil masa kira-kira dua minggu. Sementara itu, Inspektor Alif

cuba mencari informasi di setiap klinik gigi di kawasan sekitar. Tidak banyak perempuan muda memakai gigi implan, maka ini memudahkan lagi pencarian mereka. Inspektor Adi pula ke

kedai-kedai emas berhampiran untuk mencari cincin yang kelihatan unik itu. Kedua-dua data yang mereka perolehi dipadankan, dicampur dengan pembentukan semula wajah oleh pasukan forensik, dan hasilnya, mereka mendapat satu identiti. Mangsa dikenali sebagai Alisha Nabila Roslan berusia 27 tahun. Mangsa merupakan seorang wanita bujang, masih belajar dan tinggal seorang diri di sebuah apartmen di Sungai Buloh. Mangsa belajar di sebuah kolej swasta di Selangor. Mangsa digambarkan sebagai seorang kaki kikis oleh teman-teman rapatnya. Mangsa sering menggoda orang yang lebih berusia. Mangsa juga sering bertukar-tukar teman lelaki mengikut keselasaannya dan kebanyakan teman lelaki mangsa merupakan orang berada. Tidak hairanlah mangsa boleh memasang implan gigi yang mampu menelan kos sebanyak ribuan ringgit bagi sebatang gigi.

#### **BABAK 4: DENDAM**

Inspektor Alif dan Adi masih buntu. Mereka harus berfikir seperti pembunuh tersebut malah berada selangkah di hadapannya, barulah mereka boleh menangkap pembunuh itu. Alif merasakan ada perkara yang mereka terlepas pandang. Dia memaksa dirinya untuk berfikir secara tenang. Alif terlalu obses dengan kes ini sehinggakan dia tidak pulang ke rumah selama dua hari. Adi menasihatinya untuk berehat dan pulang ke rumah.

“Sibuk betul abang sekarang. Uruskan kes apa?” soal Haikal di rumah. “Kes pembunuh bersiri, Haikal. Abang risau memikirkan siapa pula mangsa dia yang seterusnya. Tak lena tidur,” jawab Alif. Alif masih memikirkan kes ini meskipun pada waktu malam. Dia rasa dia terlepas beberapa butiran penting. Alif teliti kembali fail

mangsa pertama hinggalah ketiga. Dia merasakan dia pernah terlihat anting-anting yang dipakai oleh mangsa kedua. Jenuh dia memaksa dirinya untuk mengingat kembali di mana dia melihat anting-anting itu. Mengapa dia merasakan seperti dia baru saja melihat anting-anting itu?

Keesokannya harinya, Subinspektor Razif menyerahkan bahan bukti daripada kes pertama kepada Inspektor Alif, antaranya seutas jam tangan. Inspektor Alif terkejut melihat jam tangan itu! Itu merupakan jam tangan yang dia hadiahkan kepada adiknya sempena hari lahir adiknya pada tahun lalu. Tidak mungkin itu jam tangan yang berbeza kerana dia sangat mengenali jam tangan yang dihadiahkan kepada adiknya itu. Tali jam itu ditulis parap adiknya, HM iaitu Haikal Mazlan. Dia membeli jam tangan itu di luar negara, mungkin kerana itu pegawai terdahulu tidak dapat mengenal pasti siapakah pemilik jam tangan tersebut. Jam tangan tersebut tidak terdapat di Malaysia. Alif bergegas pulang ke rumah dan menyelongkar bilik adiknya. Haikal masih berada di kampus pada waktu ini. Di bilik Haikal, Alif menjumpai sebelah lagi anting-anting yang dipakai oleh mangsa kedua. Alif terduduk sedih. Dia menceritakan segalanya kepada Adi. Walau bagaimanapun, Alif masih enggan percaya seratus peratus. Dia mengambil berus gigi Haikal dan membawanya ke makmal untuk ujian DNA bagi memeriksa padanannya dengan darah asing yang ditemui pada mangsa kedua.

Hasilnya, 99% padan. Benarlah Haikal pelakunya. Meskipun hakikat tersebut sukar ditelan, Alif cuba bersikap professional. Dia memanggil pasukan polis menangkap adiknya untuk disoal siasat. Alif tidak mampu untuk menyoal siasat adik kesayangannya sendiri, dia menyerahkan tugas itu kepada Adi.

“Benarkah kau yang membunuh ketiga-tiga mangsa itu? “Kenapa kau ambil kuku mereka?” soal Adi langsung. “Kerana mereka menghias kuku mereka untuk menarik perhatian dan menggoda lelaki. Aku benci perempuan macam mereka.” Jawab Haikal selamba. “Tapi kenapa? Apa salah mereka kepada kau? Kau kenal mereka?” tanya Adi lagi. “Mereka semua perempuan murahan. Aku benci perempuan murahan! Kerana seorang perempuan murahanlah hidup aku sengsara. Hidup aku susah. Aku jadi anak yatim kerana perempuan murahan seperti mereka. Aku juga cuba cari ayah aku kembali tapi dia sudah mati tiga tahun lalu. Mungkin balasan bagi orang jahat sepertinya. Jadi sebagai gantinya aku bunuh semua perempuan murahan itu! Orang seperti mereka tidak layak untuk hidup di dunia ni!” bentak Haikal. Alif yang mendengar sahaja soal siasat dari luar bilik siasat hanya mampu menitiskan air mata. Dia tidak sangka adiknya menyimpan dendam sejak kecil dan membesar sebagai raksasa. Raksasa yang ditatangnya sendiri. Raksasa yang dibelainya setiap hari....

**Nota: Penulis ialah pemenang Tempat Ketiga (Kategori 2) Pertandingan Cerpen Sains Forensik 2021.**